

28 JAN 2002

Mahathir-Serangan/I

AMERIKA BUKAN M'SIA JADI TEMPAT PELANCARAN SERANGAN 11 SEPT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan bahawa Malaysia merupakan tempat pelancaran serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat dengan berkata landas pelancaran sebenar ialah Amerika sendiri.

"Mereka ini berlatih di Amerika sepanjang masa, dan kemudian mereka membuat perancangan di Amerika bagaimana untuk merampas kapal terbang Amerika, pada waktu bila, pesawat mana, bangunan apa. Semua itu dilakukan di Amerika, bukannya di Malaysia.

"Setahu kita rakyat Malaysia tiada kaitan langsung dengan serangan di Amerika. Tetapi apa yang kita tahu ialah terdapat rakyat Malaysia yang telah menerima latihan di Pakistan dan Afghanistan, balik ke negara ini dengan hasrat untuk menggugat kestabilan negara, menimbulkan ketegangan kaum, ketegangan agama, perkara-perkara seperti ini, dan mereka mempunyai hasrat untuk membentuk sebuah negara melalui tindakan keganasan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Kementerian Kewangan dan program "Sehari Bersama Pelanggan" di kemeterian itu di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas satu laporan asing yang mendakwa Malaysia sebagai tempat pelancaran utama bagi serangan 11 Sept terhadap Amerika.

Laporan itu yang disiarkan dalam edisi terbaru Newsweek, berkata sumber perisikan Amerika percaya seorang bekas kapten tentera Malaysia Yazid Sufaat, yang merupakan anggota kumpulan Jemaah Islamiah, membantu membangunkan rangkaian sokongan bagi ketua pengganas yang disyaki Osama bin Laden di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara.

Laporan itu juga mendakwa bahawa Kuala Lumpur merupakan tempat paling baik bagi orang Arab untuk bersembunyi dan bandar raya ini menarik ramai pelancong Arab.

Laporan itu turut mendakwa bahawa undang-undang Malaysia membenarkan orang Islam memasuki dan meninggalkan negara tanpa memerlukan visa.

Menurutnya pada Januari 2000, Sufaat mengadakan satu mesyuarat di kondominiumnya di Kuala Lumpur dengan sekutu kuat Osama mengikut arahan yang diberikan kepadanya oleh seorang ulama Indonesia yang ada hubungan dengan al Qaeda, rangkaian di bawah naungan Osama.

"Mereka sepatutnya boleh ditangkap di Switzerland bagaimanapun mereka tidak ditahan di Switzerland.

"Mereka datang ke sini sebagai pelancong. Jika kita mahu menangkap setiap pelancong Arab di sini, maka tiada orang yang akan mahu datang ke Malaysia," katanya.

Perdana Menteri tidak percaya Yazid terlibat dalam perancangan serangan pada 11 Sept itu dan meminta mereka yang mempunyai maklumat mengenainya supaya mengemukakan bukti.

"Mari kita tengok buktinya. Adalah mudah untuk mendakwa dia melakukannya, tetapi adakah dia melakukannya di Malaysia, adakah dia merancang semuanya. Saya tidak percaya, operasinya begitu sofistikated sekali," katanya.

Mengenai dakwaan Yazid menerima arahan daripada seorang ulama Indonesia yang ada hubungan dengan al-Qaeda, Dr Mahathir berkata pihak berkuasa Malaysia tidak tahu menahu mengenainya ketika itu.

"Jika kita tahu mengenainya terlebih dahulu, jika mereka memberitahu kita ketika itu, kita boleh ambil tindakan. Tetapi kita tidak tahu apa-apa.

"Apabila kita mengetahui siapa mereka, apa yang mereka rancangkan kita telah mengambil tindakan, menangkap hampir kesemua mereka, " katanya merujuk kepada anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Ditanya sama ada Malaysia mengambil sebarang tindakan mengenai laporan berita yang tidak benar itu, Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengkaji apa yang boleh dilakukan.

"Saya tidak tahu, apa yang dipanggil kebebasan akhbar ini. Saya minta maaf saya sedang bercakap dengan pihak media sekarang tetapi adakalanya kebebasan akhbar disalahguna oleh mereka ini untuk kepentingan agenda mereka sendiri.

"Kita tahu mereka tidak sukakan Malaysia atas sebab tertentu dan apa pun yang kita lakukan mereka akan mengatakan yang buruk mengenai kita," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia, antara lain telah amat berjaya dalam pengurusan ekonomi, dalam urusan hubungan antara pelbagai kaum di negara ini dan telah berkembang dengan amat pesat sekali tetapi tiada satu pun pencapaian itu pernah disebut oleh mereka.

"Setiap kali mereka menyebut tentang Malaysia, mereka berkata akhbar-akhbar di bawah kawalan kerajaan dan pada masa yang sama Asian Wall Street Journal dan Herald Tribune yang dicetak di Malaysia, mengatakan perkara yang buruk mengenai Malaysia dan kita tidak pernah menghalangnya.

"Akhbar-akhbar ini tiada tanggungjawab moral langsung dan cenderung untuk melakukan pembohongan," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan dakwaan itu agak melampau dan bagi kerajaan, Malaysia bukannya tempat pelancaran bagi serangan di bumi Amerika itu.

"Saya fikir ia satu khayalan untuk mengatakan Malaysia merupakan tempat pelancaran bagi serangan 11 Sept itu," katanya kepada pemberita selepas mengambil bahagian dalam pertandingan Golf Sumbangsih 2002 untuk kutipan bagi Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara di Seri Kembangan.

Beliau berkata kegagalan perisikan Amerika keseluruhannya membawa kepada mereka yang bertanggungjawab tidak mampu untuk mengesan potensi ancaman pengganas.

"Malahan keseluruhan perancangan dilakukan di Amerika sendiri, latihan juruterbang, perincian operasi dilakukan di Amerika. Jadi bagaimana mereka boleh mengatakan Malaysia merupakan tempat pelancaran. Saya tidak faham," katanya.

Najib berkata Malaysia menerima ramai pelawat Arab tetapi ini tidak bermakna mereka ini pengganas.

"Kita tidak boleh menangkap mereka kecuali telah terbukti mereka ini pengganas," katanya.

Mengulas perkara yang sama, Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pergerakan itu mengutuk sekeras-kerasnya tindakan sesetengah wartawan dan media asing yang memburuk-burukkan imej Malaysia.

Katanya semua kedutaan dan rakyat Malaysia di luar negara perlu sensitif dan mengawasi laporan media di tempat masing-masing.

"Penjelasan sewajarnya perlu dibuat dengan cepat bagi mengelakkan salah faham dunia terhadap Malaysia akibat laporan-laporan salah dan tidak beretika oleh media Barat ini," katanya.

Pemuda Umno juga mendesak Duta Besar Amerika Marie Huhtala menjelaskan kepada kerajaan Malaysia bagaimana timbulnya kesimpulan bahawa negara ini telah menjadi pusat operasi pengganas.

-- BERNAMA

MAM AHH RON